



Pantau spesies terancam

HARI Spesies Terancam selalunya disambut pada 15 Mei setiap tahun. Promosi untuk pemuliharaan hidupan liar sudah lama menjadi usaha Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dengan mengiktiraf sambutan hari-hari berkaitan hidupan liar dan habitatnya. Boleh dikatakan setiap bulan sepanjang tahun ada hari-hari berkaitan hidupan liar dan habitatnya disambut di seluruh dunia.

Misalnya hari bumi, hari alam sekitar, hari tanah lembab, hari hutan, hari lautan, hari habitat dan lain-lain lagi. Ada juga hari-hari khusus berkaitan haiwan disambut bagi menarik perhatian semua penduduk dunia mengetahui tentang hidupan liar yang terancam menghadapi kepupusan.

Satu kaedah mudah mendidik generasi masa hadapan tentang biodiversiti khususnya spesies terancam ialah dengan mempamerkan senarai spesies terancam di sekolah dan merayakan sambutan hari-hari tertentu yang diiktiraf antarabangsa seperti hari harimau, hari tapir, hari penyu, hari tenggiling, hari gajah, hari memerang dan lain-lain.

Selain lawatan ke zoo, pameran dalam bentuk poster atau tayangan video pendek boleh diadakan agar semua generasi akan datang tahu tentang spesies haiwan yang terancam dan bagaimana mereka

ralat & rreal

Bersama **DR. AHMAD ISMAIL**



boleh membantu melindungi dan memulihara haiwan terancam berkenaan sekali gus menyokong program pemuliharaan hidupan liar kerajaan.

Di Malaysia, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (Perhilitan), pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) dan Tabung Hidupan Liar Sedunia (WWF) boleh bekerjasama mengeluarkan bahan-bahan kempen diedarkan ke sekolah di seluruh negara bagi mempromosikan spesies terancam di Malaysia.

Sambutan Hari Spesies Terancam bolehlah

HARIMAU malaya antara spesies yang terancam dilindungi di Sungkai Perak.



dimasukkan dalam takwim sekolah. Pendedahan ini penting untuk pendidikan dan kesedaran menyeluruh rakyat Malaysia tentang hidupan liar.

Sekiranya semua hari-hari berkaitan hidupan liar dan hari spesies terancam diberikan peringatan kepada pelajar sudah tentu maklumat tentang hidupan liar dan pemuliharaannya akan ada dalam pengetahuan mereka.

Di Malaysia misalnya mempunyai banyak haiwan yang didaftarkan oleh Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam Sekitar (IUCN) sebagai haiwan terancam.

Antaranya ialah orang utan, harimau, gajah, tenggiling, pelanduk, tapir malaya dan cencurut hitam.

Hari spesies terancam disambut bagi mengingatkan semua orang tentang status haiwan terancam dan



PELBAGI pihak merencanakan inisiatif mewujudkan program perlindungan orang utan termasuklah di Bukit Merah Lake Town Resort.

usaha pemuliharaan haiwan dan habitat mereka. Undang-undang dan penguatkuasaan sahaja tidak memadai dalam mengawal kepupusan haiwan terancam.

Banyak laporan media tentang kes berkaitan hidupan liar yang dilindungi, pihak berkuasa sekadar menyebut tentang status haiwan dilindungi undang-undang dan denda yang boleh dikenakan sekiranya didapati bersalah.

Kejadian seperti kemalangan jalan raya dan penyeludupan terus juga berlaku.

Satu sistem pendidikan secara lebih berkesan perlu dilakukan terutamanya menggunakan media baharu dan merentasi jabatan kerajaan serta komuniti tempatan dan antarabangsa.

Lokasi strategik seperti lapangan terbang, tempat menunggu di agensi kerajaan, pasar raya dan sekolah boleh diadakan promosi melalui video pendek secara berterusan.

Maklumat tentang undang-undang perlu dimaklumkan kepada semua orang. Di Semenanjung Malaysia, spesies hidupan liar yang dilindungi adalah spesies yang disenaraikan di bawah Jadual Pertama dan Kedua Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 dan spesies yang disenaraikan di bawah Jadual Ketiga Akta Perdagangan Antarabangsa

Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686]. Jadual spesies ini boleh dirujuk di Senarai Spesies Di Bawah Jadual Akta 716.

Selain haiwan mamalia besar yang bakal pupus sekiranya tidak dijaga, haiwan lain seperti burung, serangga, reptilia dan amfibia juga perlu diberi perhatian.

Banyak lagi haiwan berkenaan yang kita tidak tahu. Burung botak upeh misalnya mungkin sudah pupus di habitat liar.

Kepupusan dinosaur mengajarkan dunia prihatin kepada spesies terancam. Sebagai sebuah negara yang tinggi kepelbagaian biologi mesti memberikan perhatian serius tentang kepupusan haiwan liar di habitat semula jadi.

Bagi memulihara haiwan yang hampir pupus, pembiakan dalam kurungan mungkin perlu dilakukan untuk dilepaskan ke habitat liar.

Perubahan alam sekitar, pemangsaan yang berlebihan, pemburuan haram, perubahan habit manusia dan bencana alam boleh mengancam populasi haiwan.

Setengah haiwan boleh dibiakkan dengan di dalam kurungan tetapi sukar untuk menambahkan populasi di habitat luar.

Perhilitan dan zoo ada menjalankan program pembiakan spesies terancam untuk tujuan pemuliharaan.



IUCN ialah pertubuhan antarabangsa yang mengkhususkan pemuliharaan sumber semula jadi diasaskan pada 1948 beribu pejabat di Switzerland.

IUCN menemukan 83 negara, 108 agensi pemerintahan, 766 pertubuhan bukan kerajaan dan 81 pertubuhan antarabangsa serta juga sekitar 10,000 pakar dan ahli sains daripada negara-negara di seluruh dunia membincangkan tentang pemuliharaan sumber semulajadi.

Selalunya IUCN yang menentukan kes spesies terancam di dunia setelah mendapat pandangan dalam kalangan ahlinya.

IUCN menganggarkan 40 peratus spesies haiwan, serangga dan tumbuhan seluruh dunia berisiko kepupusan.

Tanggungjawab IUCN

KESATUAN Antarabangsa Untuk Pemuliharaan Alam Sekitar (IUCN) menyenaraikan cencurut hitam (*Sumcus ater*) sebagai spesies yang sangat terancam pada tahun 1996. Haiwan yang saiz nya dikatakan antara 20 hingga 100 sentimeter (sm) ini sangat jarang dilihat dan tidak banyak maklumat tentangnya. Maklumat yang ada hanyalah daripada Medway tahun 1965 berdasarkan kepada satu spesimen yang dijumpai di Gunung Kinabalu, Sabah pada ketinggian 1,650 meter (m) dari paras laut. Spesies ini mungkin juga boleh ditemukan di kawasan tanah tinggi Borneo atau mungkin sudah pupus.

Begitu juga dengan status badak Sumatera (*Dicerorhinus sumatrensis*) yang mengikut *Mogabay.com* sudah tiada di Sabah. Pada tahun 2008 dianggarkan 50 ekor dan lima tahun kemudian bilangan berkurangan kepada hanya 10 dan sekarang mungkin sudah tiada. Pengurangan habitat dan pemburuan haram kerana tanduknya adalah punca utama kepupusan.

IUCN menyenaraikan sebagai spesies terancam sejak 1986 lagi.

Berdasarkan statistik IUCN, tapir malaya (*Tapirus indicus*) spesies terancam sejak 1986. Haiwan yang masih ada di habitat liar di Semenanjung Tanah Melayu berhadapan dengan pengurangan dan gangguan habitat yang cepat akibat pembangunan.

Orang utan (*Pongo pygmaeus*) memang sudah menarik perhatian dunia kerana populasinya terus terancam akibat daripada habitatnya terus terganggu oleh aktiviti pembalakan dan pembakaran hutan. IUCN menyenaraikan dalam spesies terancam sejak 1986. Taburannya juga terhad di Sumatera dan Borneo sahaja. Pusat Pemuliharaan Orang Utan Sepilok Sabah sebagai model pemuliharaan spesies terancam orang utan.

Harimau malaya (*Panthera tigris jacksoni*) sudah hampir dibincangkan kerana populasinya yang cepat berkurangan. Sejak tahun 1950-

an bilangan harimau dianggarkan sebanyak 3,000 ekor dan berkurang kepada antara 250 hingga 340 pada 2013.

Taman Negara, Kompleks Hutan Endau-Rompin dan Kompleks Hutan Belum-Temenggor merupakan kawasan utama untuk pemuliharaan harimau malaya. Harimau malaya diletakkan dalam senarai spesies terancam pada tahun 2008.

Gajah Asia (*Elephas maximus*) yang disenarai sebagai spesies terancam sejak 1986.

Gajah memerlukan kawasan keliharaan yang luas dan banyak sumber makanan. Kawasan keliharaan berkurang menimbulkan pelbagai konflik dengan manusia.

Monyet belanda (*Nasalis larvatus*) disenaraikan sebagai spesies terancam pada tahun 2008. Populasinya menurun 80 peratus dalam masa 30 tahun dan sekarang dianggarkan hanya ada 7,000 ekor sejak tahun 2000 akibat daripada kehilangan habitat seperti hutan bakau di pantai.

Tenggiling terus terancam kerana sisik, daging dan kulitnya yang dikatakan mempunyai nilai perubatan. Harga yang tinggi menggalakkan pemburuan haram. Pada tahun 2016 Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Terancam Flora dan Fauna Liar (CITES) mengharamkan sepenuhnya perdagangan tenggiling sunda (*Manis javanica*).

Mengawal kepupusan haiwan adalah tanggungjawab semua.

Program pendidikan, penyelidikan dan kesedaran mestilah dilaksanakan dengan lebih agresif dan sistematik. Satu pelan tindakan umum dan khusus perlu diadakan dengan jelas serta mampu dilaksanakan.

Kerjasama pulihara terumbu karang

TERUMBU karang merupakan ekosistem marin yang kaya dengan kepelbagaian dan memainkan peranan penting dalam kestabilan hidupan laut.

Selain menjadi benteng pertahanan dan perlindungan pantai terhadap ombak, terumbu karang juga berperanan sebagai kawasan perlindungan dan makanan kepada hidupan laut terutamanya anak-anak ikan.

Oleh itu, jelas menunjukkan terumbu karang juga penting untuk kehidupan manusia memandangkan ikan merupakan antara sumber protein terpenting untuk manusia dan sumber pendapatan bagi golongan nelayan.

Malangnya, terumbu karang kini kian diancam oleh beberapa faktor seperti perubahan iklim, kemusnahan habitat dan pencemaran laut yang memerlukan tindakan proaktif untuk menghentikan kesan negatif tersebut.

Menyadari hakikat itu, Aquaria KLCC mengambil inisiatif menjalinkan kerjasama dengan rakan sepejuangan bagi alam sekitar iaitu Universiti Malaysia Terengganu dan Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) bagi tujuan projek penyelidikan berkaitan terumbu karang untuk pemuliharaan.

Pengarah Urusan Aquaria KLCC, **Datuk Simon Foong** berkata, inisiatif tersebut sangat penting bagi memastikan kelestarian hidupan laut berkenaan untuk generasi masa hadapan.

Katanya, penyelidikan penyelidikan berimpak tinggi akan dijalankan bersama UMT melalui dana yang diperuntukkan sebanyak RM 65,000 dan kemudian usaha pemuliharaan akan dijalankan dengan kerjasama JTLM.

"Oleh itu, Aquaria KLCC melancarkan program Pemuliharaan Terumbu Karang bertujuan untuk menjaga kelestarian terumbu karang selain menyediakan pendidikan kepada umum serta program-program pendekatan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan alam sekitar.

"Kami juga bekerjasama dengan rakan kongsi, pertubuhan bukan kerajaan dan institusi lain untuk menyediakan platform



DR. NOR AIENI MOKHTAR (tengah) menerima replika cek penajaan daripada **Simon Foong** (dua dari kanan) sambil disaksikan oleh (dari kiri) **Tan Chun Hong**, **Dr. Mazlan Abd. Ghaffar** dan **Abdul Rahim Gor Yaman** pada majlis Kempen Konservasi Terumbu Karang di Kuala Lumpur baru-baru ini.


kepada orang ramai untuk sama-sama menyertai usaha pemuliharaan ini," ujarnya ketika merasmikan program berkenaan di Aquaria KLCC, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Naib Canselor UMT, **Prof. Datuk Dr. Nor Aieni Mokhtar**; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMT, Prof. Dr. Mazlan Abd. Ghaffar; Pengarah JTLM, **Ab. Rahim Gor Yaman** dan Ketua Penyelidikan Terumbu Karang UMT, Dr. Tan Chun Hong.

Usaha sama itu melibatkan tiga aktiviti utama iaitu penyebaran dan penyelidikan terumbu karang yang akan dijalankan oleh UMT, pemuliharaan karang yang akan mendapat panduan dan bimbingan daripada JTLM untuk mengenal pasti kawasan yang sesuai serta pendidikan dan pendekatan kepada umum untuk sama-sama menjaga kesejahteraan terumbu karang.

Sementara itu, Dr. Nor Aieni menjelaskan, UMT yang sememangnya mempunyai kepakaran dalam bidang kelautan telah menjalankan pelbagai inisiatif penyelidikan di peringkat universiti bagi pemuliharaan terumbu karang secara berterusan.

"Peranan UMT sebagai Pusat Kecemerlangan Institut Pengajian Tinggi (HICoE) dalam bidang oseanografi dan sains



DR. NOR AIENI MOKHTAR

marin telah mengklasifikasikan terumbu karang sebagai salah satu program penyelidikan utama bagi haiwan marin terancam.

"Data penyelidikan terumbu karang yang diperoleh akan digunakan pihak UMT menerusi projek usahasama dengan pelbagai pihak industri seperti Aquaria KLCC untuk tujuan pemuliharaan yang dijangka akan dijalankan dalam masa terdekat," katanya.

Selain itu, kerjasama UMT dan Aquaria KLCC turut diperluaskan lagi dengan persetujuan untuk menyediakan coral nursery di pusat pembiakan UMT yang akan menempatkan lebih dari 100 benih karang bagi program

restorasi. Ia akan berperanan sebagai tapak pembiakan dan semaian batu karang iaitu benih batu karang yang dijaga dalam keadaan baik akan diletakkan kembali ke lautan sekali gus membantu usaha pemuliharaan kawasan terumbu karang.

Dalam pada itu, Ab. Rahim menyambut baik inisiatif menyelamatkan dan memulihara terumbu karang tersebut yang disifatkan kian terancam di kawasan yang menjadi tumpuan pelancongan seperti aktiviti menyelam dan sebagainya.

Beliau berkata, JLTM telah menghasilkan komik bertajuk *Coraltopia* bertujuan untuk memberikan pendidikan secara santai kepada pengunjung di Aquaria KLCC mengenai kepentingan memulihara dan menjaga hidupan dasar laut.

"Di bawah JTLM, kita mengenal pasti sebanyak 431 spesies terumbu karang dan merasakan amat penting untuk memberikan pendidikan kepada orang ramai untuk mengatasi segala bentuk ancaman terhadap spesies-spesies ini.

"Dengan naskhah berbentuk komik, kita menyasarkan untuk memberikan pemahaman yang lebih mudah, ringan serta santai kepada generasi muda terutamanya," jelasnya. - **INTAN SUHANA CHE OMAR**